

PROGRAM I WANT TO TOUCH A DOG

Oleh:

Sahibus Samahah Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri
Mufti Wilayah Persekutuan

Alhamdulillah, segala puji bagi-Nya, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya.

Baru-baru ini, Malaysia telah dikejutkan dengan dengan satu program yang dinamakan I Want To Touch A Dog yang menjadi begitu kontroversi dan disifatkan cuba mencipta provokasi terhadap masyarakat setempat.

Siri Bayan Linnas atau Kenyataan Umum Mufti Wilayah ini diterbitkan bagi mengemukakan penyelesaian dan penerangan berkenaan satu-satu isu yang menjadi perbahasan dan perbualan umum di kalangan masyarakat Malaysia. Semoga dengan kenyataan ini dapat meredakan pelbagai bentuk perasaan atau kekeliruan yang bermain di minda kita semua.

Prinsip Asas Berhubung Anjing

Dua asas utama yang perlu difahami berkenaan dengan isu program menyentuh anjing adalah:

Pertama: Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طُهُورٌ إِنَّمَا أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلُهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَهُنَّ بِالثُّرَابِ

Maksudnya: "Sucinya bejana di antara kalian iaitu apabila anjing menjilatnya adalah dengan dicuci tujuh kali dan awalnya dengan tanah."

Riwayat Muslim (279)

Syarah Hadis

Dinyatakan di sini syarahan ringkas hadis di atas.

- Kata walaghah dalam hadis tersebut berarti memasukkan lidahnya ke dalam air, baik air itu diminumnya mahupun tidak, sama seperti makna kata la'iqa . Perkataan itu juga menggambarkan bahawa minuman digunakan dengan lidah atau dalam bahasa kita sebagai jilatan.
- Hadis di atas merupakan dalil yang jelas wajib mencuci bekas yang dijilat anjing. Para ulama tidak membezakan antara bekas dengan benda lainnya.
- Al-Iraqi berkata: "Rasulullah SAW menyebut bekas secara khusus kerana itulah alat-alatan yang biasa dijilat anjing." Jadi, wajib hukumnya mencuci bekas atau pakaian yang dijilat anjing sebanyak tujuh kali, satu kali di antaranya dicuci dengan tanah. Ini adalah pendapat Abdullah bin Abbas, Abu Hurairah, Muhammad bin Sirin, Thawus bin Kaisan, Imam Al-Auza'i, Imam Al-Syafi'i, Imam Ahmad bin Hanbal, Abu

Thaur dan ramai lagi." Lihat kitab Al-Majmu' II/586, Al-Mughni I/46, Al-Muhalla I/146 dan Nailul Authar I/74.

- Menurut Syeikh Muhammad Soleh al-Munajjid, bilasan terakhir tidak harus dengan tanah. Ini kerana perlu dibilas sekali lagi, maka sudah tentu menjadi lapan kali. Sebab boleh sahaja dicuci dengan air setelah digosok dengan tanah. Setelah dikeringkan dan digosok tentu akan kembali bersih seperti sedia kala.
- Syeikh Abdullah al-Bassam dalam Taudhibh al-Ahkam Min Bulugh al-Maram (1/135) ketika mensyarahkan hadis di atas menyatakan bahawa: "Anjing adalah najis keseluruhannya termasuk yang keluar daripadanya dan najis anjing adalah najis mughallazah yang dianggap sebagai najis yang paling berat."

Kedua: Daripada Ibn Umar RA berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ إِلَّا كَلْبٌ صَيْدٌ أَوْ كَلْبٌ غَنَمٌ أَوْ مَا شِيَءَ

Maksudnya: "Bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW memerintah supaya membunuh anjing-anjing kecuali anjing buruan atau anjing yang mengawal kambing atau binatang ternakan."

Riwayat Muslim (1571)

Para ulama menafsirkan hadith ini dengan menyatakan bahawa:

1. Ada rukhsah (diberi keringanan) supaya tidak dibunuh anjing kerana tujuan perburuan dan menjaga kambing (termasuk anjing menjaga binatang-binatang ternakan).
2. Ashab Al-Syafie mengatakan yang ditanggungkan (dimaksudkan) perintah harus membunuh itu ialah anjing mengigit (anjing gila).
3. Ulama berbeza pendapat mengenai dengan keharusan membunuh binatang yang tidak mendatangkan mudarat:

- Menurut Al-Qadhi Husain, Imam Al-Haramain, Imam Al-Mawardi dalam bab Jual Beli Anjing dan Imam Al-Nawawi dalam Bab (permulaan) Jual Beli daripada kitab al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab dan Syarah Sahih Muslim menyatakan: "Tidak harus membunuhnya". Menurut Imam Al-Nawawi lagi dalam bab Perkara-perkara Yang Haram Dalam Ihram: "Itulah pendapat yang al-asah (paling sahih). Perintah bunuh anjing itu sebenarnya telah dimansuhkan.
- Imam Al-Rafie pula menghukumkan makruh, bahkan karahah tanzih (ini disebut) dalam kitab Raudhah al-Talibin.
- Imam Al-Syafie dalam kitab Al-Umm dalam Bab Perbezaan (pendapat) Mengenai Harga Anjing, telah menyatakan: "Bunuhlah anjing-anjing yang tidak bermanfaat di mana sahaja kamu menjumpainya." Inilah (pendapat) yang rajih dalam kitab

kitab Al-Muhimmat. Dan tidak harus memiliki anjing yang tidak ada manfaatnya.” Rujuk Irsyad Al-Sari Li Syarh Al-Sahih Al-Bukhari (7/ 258).

- Pengarang ‘Umdah Al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari mengatakan: “Imam Malik dan sahabat-sahabatnya serta banyak lagi ulama, menghukumkan harus membunuh anjing-anjing melainkan yang dikecualikan daripadanya, dan mereka tidak berpendapat perintah membunuh selain yang dikecualikan mansuh, akan tetapi perintah tersebut tetap berlaku (berkuat kuasa).”

Penyakit Bawaan Anjing

Anjing sememangnya haiwan yang setia dan sangat kasih kepada tuannya. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ia juga membawa pelbagai penyakit jika tidak dipelihara dengan baik.

Antara penyakit yang dibawa oleh anjing dan berisiko untuk menjangkiti manusia ialah penyakit kurap (ringworm), roundworms, penyakit anjing gila yang disebabkan oleh virus rabies, lyme disease yang menjangkiti dengan perantaraan kutu dan kudis (scabies). Rujuk

<http://www.pawnation.com/2012/03/22/5-diseases-dogs-can-pass-to-their-owners/>

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi melalui kitabnya *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* mempunyai ulasan yang baik berkenaan dengan penemuan moden tentang pemeliharaan anjing. Secara ringkasnya, beliau menyatakan:

Kita dapat lihat di tempat kita, ada segolongan manusia yang berkiblatkan ke arah Barat, yang menganggap bahawa orang-orang barat itu mempunyai tabiat yang lembut, di samping sifat perikemanusiaannya yang tinggi seringkali mempunyai sifat belas kasihan ke atas setiap binatang yang hidup lalu mereka menuduh sikap orang Islam yang menyuruh berhati-hati terhadap binatang yang comel, jinak dan dipercayai ini!! Maka kepada orang-orang seperti inilah ditujukan ‘makalah ilmiah’ yang bernilai ini, yang ditulis oleh seorang Profesor pakar berbangsa Jerman dalam sebuah majalah Jerman. (Nukilan ini diterjemahkan oleh Majalah Nurul Islam, bil. 42, Jil.2- sebahagian dari makalah Profesor Dr. Gerard Finstimer, tulisannya dalam majalah Jerman Kosinos).

Dalam makalah itu telah menunjukkan dengan jelas dalam hal bahayanya memelihara anjing di dalam rumah atau mendekatkan diri kepadanya, katanya: “Sesungguhnya semakin bertambah bilangan manusia yang gemar memelihara anjing akhir-akhir ini, menarik perhatian kita untuk mengingatkan pendapat umum tentang bahaya yang timbul disebabkan binatang tersebut.”

Antara permasalahannya bukan hanya terbatas pada pemeliharaannya semata-mata, malah merangkumi kepada kesukaan bermain-main dengan anjing, menciumnya dan membenarkannya menjilat tangan dan kaki anak-anak kecil serta orang dewasa. Ada juga yang membiarkannya menjilat lebih-lebihan makanan

dalam pinggan mangkuk yang digunakan sebagai tempat simpanan makanan dan minuman manusia.

Meskipun semua yang disebutkan dianggap jijik dan buruk dalam pandangan mata manusia dan tidak akan diterima dengan baik. Ianya pula bertentangan dengan kaedah kesihatan dan kebersihan, namun kita masih menutup sebelah mata terhadapnya kerana ianya tidak selari dengan pembicaraan kita dalam makalah ilmiah ini. Hal-hal sebegini sengaja ditinggalkan untuk dinilai oleh pendidikan moral dan pembentukan jiwa untuk menghukumnya.

Dari segi pandangan kedoktoran, sangat penting sekali dalam perbahasan ini kerana bahaya yang mengancam kesihatan manusia dan kehidupannya disebabkan pemeliharaan anjing dan bermain-main dengannya bukanlah lagi suatu masalah yang boleh diabaikan.

Oleh kerana manusia yang degil dan sanggup berbelanja mahal untuk memelihara anjing ternyata binatang tersebut mempunyai kuman yang berbahaya dan boleh mencetuskan penyakit kronik yang berpanjangan, malah ada yang menemui ajal gara-gara penyakit tersebut.

Kuman anjing mudah berjangkit dan dinamakan kuman pita anjing yang kerap menjangkiti manusia dalam bentuk bisul. Ianya juga boleh berjangkit kepada binatang ternakan khususnya pada khinzir. Akan tetapi, kuman ini cukup aktif pada badan anjing liar dan serigala. Ianya amat jarang menjangkiti kucing dan kuman ini berbeza sekali dengan kuman yang lain kerana sifatnya sangat halus sekali sehingga hampir-hampir tidak kelihatan dan dikenali melainkan sejak akhir-akhir ini.

Seterusnya, Dr. Gerard Finstimer berkata: Pertumbuhan kuman pita anjing ini mempunyai keanehan tersendiri dalam dunia haiwan. Daripada satu telurnya sahaja boleh tumbuh beberapa kuman lain yang menjadikannya bisul lantas ianya menjadi sempurna dan cukup subur dalam usus anjing. Kesannya pada tubuh manusia dan binatang lain tidak sama selain tumbuhnya bisul dan nanah yang baru, berlainan sekali seperti yang sudah diketahui pada tubuh anjing. Jangkitan kuman ini pada binatang ternakan tidak sampai membesar hingga lebih daripada bentuknya kecuali sangat jarang sekali. Kesan pada tubuh manusia pula boleh sampai ke bentuk genggaman tangan atau sampai membesar kepala kanak-kanak yang dipenuhi cairan kekuningan yang beratnya kira-kira sepuluh hingga dua puluh pound.

Kuman ini selalunya menjangkiti manusia pada organ hatinya dan ianya kelihatan dalam pelbagai rupa yang tidak sama. Akan tetapi, kuman ini selalunya berpindah ke paru-paru, limpa, buah pinggang, anggota-anggota yang lain dan tengkorak. Ianya selalu berubah bentuk dan keadaan sehingga sukar dianalisa dan mengelirukan doktor pakar sehingga ianya berjaya dikesan baru-baru ini.

Benarlah firman Allah SWT:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ مُّوحَىٰ

Maksudnya: Dan tidaklah yang diucapkan itu (al-Quran al-Karim) menurut kemahuan hawa nafsunya. Segala yang diucapkannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang telah diwahyukan (kepadanya).

(Surah al-Najm: 3-4)

Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan

Setelah melihat pelbagai aspek dan nas yang telah dibincangkan oleh ramai ulama sama ada terdahulu atau masa kini. Maka kami dengan ini menyatakan bahawa:

- Anjing adalah haiwan najis, bahkan najis *mughallazah* yang tidak memadai basuhan kecuali dengan tujuh kali air yang salah satunya dengan air tanah.
- Budaya masyarakat setempat amat perlu diraikan lebih-lebih lagi dalam mazhab Syafie di Malaysia yang sudah turun temurun telah diterima pakai dengan baik. Justeru meraikannya adalah hal yang terpenting dalam membina keharmonian dalam pengamalan beragama
- Rujuklah kepada badan yang berautoriti dan para ulama dengan mengelak pendapat yang asing dan juga syaz yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat.
- Amat wajar seseorang itu memahami perbezaan antara taqlid dan talfiq agar bukan dengan semudah-mudah bertaqlid kepada sesuatu mazhab tanpa memahami dalam bab tersebut dengan sepenuhnya.
- Elakkan daripada terpengaruh dengan budaya barat mahupun timur yang tidak berpaksikan kepada Syariat Islam. Justeru, melihat kepada cara kehidupan Muslim yang menepati sunnah Rasul perlu diikuti dengan sebaik mungkin.
- Memohon maaf kepada masyarakat adalah amat penting untuk meredakan rasa ketidakselesaan mereka. Yang lebih penting daripada itu sentiasa muhasabah diri beristighfar dan bertaubat kepada Allah SWT.
- Buatlah kempen-kempen yang meninggikan syiar dan martabat Islam terutamanya kefahaman tentang Islam sebagai contoh, program kaedah samak / sertu yang sebenarnya, kempen ke masjid, kempen membaca, kempen memahami al-Quran, kempen solat berjemaah, kempen menghormati orang tua dan sebagainya.

Semoga dengan keterangan di atas kita sentiasa diberi kebaikan, kefahaman dan taufiq daripada-Nya dalam melayari bahtera kehidupan yang penuh dengan pancaroba dan tribulasi yang cuba digugat oleh anasir luar. Marilah sama-sama kita menginsafi diri untuk menjadi hamba Allah yang benar-benar memahami Islam mengikut apa yang dibawa oleh Baginda SAW.